

BAB 2

## **ALAM MELAYU, KEBUDAYAAN DAN KONSEP ADAT MENURUT PERSEPSI MELAYU**

### **2.1) PENDAHULUAN**

Orang Melayu dikatakan telah memainkan peranan yang aktif di awal zaman perkembangan tamadun berdasarkan wujudnya satu kawasan yang dikenali sebagai rantau alam Melayu. Bagi menyatakan kaitan antara kedua-duanya, melalui penggunaan metode persejarahan penulis akan menghuraikan sejarah kemunculan alam Melayu, asal usul perkataan Melayu serta definisi orang Melayu. Ini penting bagi menyokong kenyataan tersebut juga untuk menunjukkan bagaimana konsep serta peranan orang Melayu telah mengalami perubahan yang ketara sehingga pada hari ini Melayu lebih dikenali sebagai penduduk utama yang mendiami negara Malaysia sahaja.

Seterusnya dalam menghuraikan perkembangan sesebuah masyarakat, aspek kebudayaan perlu diberi penekanan utama. Justeru itu, penulis turut menghuraikan perkembangan kebudayaan Melayu secara berperingkat-peringkat bermula dari zaman pengaruh Hindu-Buddha sehingga zaman kekuasaan penjajah bagi mengetahui pengaruh dan sumbangan budaya asing terhadapnya.

Penulis juga akan memfokuskan perbincangan mengenai konsep adat dalam *worldview* Melayu melalui penggunaan metode deduktif. Ianya perlu bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang peranan adat dalam kehidupan orang Melayu. Melalui penelitian tersebut, didapati bahawa terdapat empat asas utama

yang membina adat Melayu iaitu adat sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat. Berasaskan empat perkara inilah orang Melayu mengadaptasikannya dalam kehidupan seharian.

## 2.2) ALAM MELAYU DAN BANGSA MELAYU

### 2.2.1) Alam Melayu dan sejarahnya.

Pentakrifan Melayu dari segi geografi telah lama dibentuk dan ianya mencakupi ruang yang luas merangkumi Thailand di utara hingga ke Indonesia di selatan dan dari Madagaskar di barat hingga ke Farmosa (Taiwan) di timur.<sup>1</sup> Keluasan pengertian wilayah Melayu ini dengan jelas menunjukkan adanya persamaan dalam corak kehidupan masyarakatnya. Ini kerana, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Mohd Taib Osman :

*Cara hidup kita bukan sahaja dipengaruhi oleh iklim semulajadi, tetapi sebahagian besar daripada warisan yang kita dapati melalui pengetahuan, pengalaman dan kekreatifan nenek moyang kita.<sup>2</sup>*

Fakta sejarah menyanjung tinggi kedaulatan bangsa dan kebudayaan Melayu sehingga wujud suatu rantau yang dikenali sebagai alam Melayu. Rantau ini juga turut dikenali dengan nama yang pelbagai antaranya *Yavodvipa*, Laut Selatan, *Golden Chersonese*, *Malay Archipelago* dan Tanah Jawi.<sup>3</sup> Penggunaan pelbagai nama ini jelas menggambarkan kekuatan dan pengaruh yang telah dimainkan oleh bangsa Melayu terhadap perkembangan awal tamadun Melayu.

<sup>1</sup> Mohd Taib Osman (1988), *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 47.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>3</sup> Zainal Kling (1987), "Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia", dalam *Pertemuan Dunia Melayu '82*. Kuala Lumpur: DBP, h. 42.

Alam Melayu juga dikenali sebagai rantau Asia Tenggara berdasarkan cakupan wilayahnya yang begitu luas merupakan satu kawasan budaya yang dikenali sebagai budaya Melayu-*Polyneisia*.<sup>4</sup> Penduduknya terdiri daripada satu keturunan yang sama yang dikenali sebagai rumpun Melayu-*Polyneisia*.<sup>5</sup> Menurut Wan Hashim Wan Teh, ahli-ahli antropologi<sup>6</sup> fizikal telah membahagikan kumpulan ras manusia kepada lima kelompok utama sebagaimana berikut :

- 1) *Caucasian* atau ras kulit putih (*white race*) yang asalnya menghuni benua Eropah tetapi kemudiannya tersebar luas ke merata dunia seperti Amerika Utara, Afrika Selatan, Australia, New Zealand dan lain-lain lagi. Ras ini merupakan kumpulan yang paling pintar dan berjaya dari segi menjajah wilayah dan bangsa-bangsa lain di dunia.
- 2) *Mongolian* atau ras kulit kuning (*yellow race*) yang menghuni kawasan utara dan timur benua Asia. Ras ini mempunyai penduduk yang paling ramai di dunia.
- 3) *Neoroid* atau ras kulit hitam (*black race*) yang sebilangan besarnya adalah penghuni benua Afrika.
- 4) *Red Indian* atau ras kulit merah (*red race*) yang merupakan penduduk asal Amerika Utara dan Amerika Selatan.

<sup>4</sup> Aziz Deraman (1985), "Perancangan dan Pentadbiran Kebudayaan di Malaysia", dalam Wan Abdul Kadir Yusoff dan Zainal Abidin Borhan (ed.), *Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 161.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Antropologi diambil daripada perkataan Greek. Kata "antropo" bermaksud manusia manakala "logy" pula diertikan sebagai kajian. Oleh itu, antropologi ialah mengkaji manusia dari sudut perlakuan dan pekerjaannya. Lihaturaian lanjut dalam Ralph L. Beals/Harry Hoijer (1972), *An Introduction To Anthropology*, c. 4. New York: Macmillan, h. 1.

- 5) Melayu-*Polynesia* atau ras kulit coklat (*brown race*) yang mendiami kawasan Gugusan Pulau Melayu, Polinesia dan Madagaskar.<sup>7</sup>

### 2.2.2) Asal usul perkataan Melayu.

Perkataan Melayu yang dikenali sebagai nama bangsa pada masa kini mempunyai asal usul yang tersendiri. Menurut Darus Ahmad, perkataan Melayu memiliki penafsiran yang pelbagai diantaranya :

- 1) Perkataan Melayu berasal daripada dua patah perkataan iaitu “Mela” dan “Yu”.  
Perkataan “Mela” diertikan sebagai mula manakala “Yu” pula bermaksud negeri. Penggunaan kata-kata ini menyerupai penggunaan nama “Ganggayu” yang bermaksud Negeri Gangga, Kalangku dan sebagainya.
- 2) Menurut bahasa Sanskrit, perkataan Malaya bererti nama pohon kayu yang harum, gaharu dan karangan bunga. Ia juga boleh diertikan sebagai sepasukan orang yang bergerak secara beramai-ramai. Dikalangan penduduk yang berbahasa Sanskrit, perkataan “Malaya” juga dikenali sebagai negeri gaharu.
- 3) Berdasarkan pendapat ahli sejarah, Melayu ditakrifkan sebagai penduduk yang berpindah dari benua lain. Golongan ini lazimnya berbahasa Melayu dan mempunyai persamaan dengan bahasa yang digunakan oleh penduduk di utara Tanah Melayu seperti Kedah, Perlis dan Perak.

---

<sup>7</sup> Wan Hashim Wan Teh (1991), “Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu”, dalam Mohd Yusof Hasan (ed.), *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, h. 4.

- 4) Perkataan Melayu di dalam bahasa Jawa bererti deras atau lari.
- 5) Ada pula yang berpendapat bahawa perkataan Melayu dibentuk daripada perkataan “Pemelayu” sebagaimana perkataan Pelembang yang asalnya daripada kata “lembang”.
- 6) Perkataan Melayu berasal daripada “Melayor” yang bermaksud tanah tinggi, bukit atau gunung.
- 7) Perkataan “Mela” itu ialah mula dan “Yu” itu pula bererti telur. Oleh yang demikian, perkataan Melayu itu bererti “mula telur”.
- 8) Nama Melayu diambil daripada nama gunung Himalaya. Himalaya diertikan sebagai banjaran gunung atau nama tanah tinggi. Manakala “Malaya” atau “Melayu” pula adalah menunjukkan lurah dan tanah yang sangat rendah ke bawah sebagaimana kawasan yang terdapat di daerah Mindanao.<sup>8</sup>

Muhammad Sidin Hj. Muhammad Reshad menyatakan :

*Mengikut loghat bahasa Melayu Tua adalah “Hi” itu sama dengan “I” menurut kata orang Melayu zaman sekarang ertiinya “betul” atau “sungguh”. Jikalau dipanggilkan kepada bangsa: maana “tinggi” itu adalah mulia. Itulah sebab mereka menganggap bangsanya “bangsa Melayu” yaani “bangsa tinggi atau bangsa mulia” kerana mereka sudah termashhor menjadi raja dan jadi pemerentah di dalam alam dunia ini.<sup>9</sup>*

<sup>8</sup> Darus Ahmad (1957), *Pancharan Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Bross, h. 1-3.

<sup>9</sup> Muhammad Sidin Hj. Muhammad Reshad (1954), *Asal Usul Alam Melayu*. Pulau Pinang: Sinaran Bross, h. 10.

Manakala menurut Mansor Sanusi pula, perkataan Melayu itu dikatakan berasal dari nama sebuah sungai Melayu di hulu muara Tatang di bukit SiGuntang Mahamiru yang kini terletak di Palembang. Kenyataan beliau ini adalah berdasarkan catatan yang terdapat dalam Sejarah Melayu.<sup>10</sup>

Dikalangan sarjana Barat seperti Van der Tuuk dan Hollander, Melayu diertikan sebagai penyeberang dan pengembara. Dinamakan penyeberang kerana orang Melayu telah menukar agamanya daripada Hindu-Buddha kepada Islam manakala pengembara pula kerana sikap orang Melayu yang suka kepada pengembalaan dan penjelajahan.<sup>11</sup>

### 2.2.3) Definisi orang Melayu.

Para sarjana etnografi<sup>12</sup> menegaskan bahawa orang Melayu lazimnya berkulit warna sawo matang, berbadan sederhana besar tetapi tegap dan bersikap berlemah lembut serta berbudi bahasa.<sup>13</sup> Namun mengenali orang Melayu berdasarkan sifat-sifat fizikal ini agak kurang jelas kerana terdapat juga dikalangan orang Melayu yang memiliki rupa paras menyerupai bangsa lain khususnya bangsa Cina dan India. Oleh itu, ciri fizikal tidak dapat menggambarkan secara tepat mengenai rupa sebenar orang Melayu.

<sup>10</sup> Mansor b. Sanusi (ed.) (1955), *Sejarah Ringkas Alam Melayu I*. Pulau Pinang: Sinaran Bross, h. 21.

<sup>11</sup> Ismail Hamid (1988), *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, h. 1.

<sup>12</sup> Etnografi dari segi literal bermaksud potret atau gambaran tentang manusia. Secara lebih jelas, ianya merupakan suatu kajian tentang kebudayaan atau cara hidup sesuatu masyarakat secara deskriptif. Lihaturaian lanjut dalam Norazit Selat (1989), *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: DBP, h. 31.

<sup>13</sup> S. Husin Ali (1979), *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depannya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd., h. 1.

Kaedah lain yang boleh digunakan untuk mengenali orang Melayu adalah berdasarkan kepada budayanya.<sup>14</sup> Dari sudut kebudayaan, konsep Melayu merangkumi orang Melayu yang mendiami Malaysia, Indonesia dan daerah-daerah lain di sekitar Asia Tenggara.<sup>15</sup> Di Indonesia, istilah Melayu digunakan untuk membezakannya dengan penduduk setempat.<sup>16</sup> Malah terdapat suatu kecenderungan untuk menghubungkan istilah Melayu ini dengan nama kawasan yang didiami seperti Melayu-Jambi, Melayu-Langkat dan Melayu-Riau.<sup>17</sup> Manakala di Filipina pula sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd Taib Osman :

*Walaupun ada orang yang tidak mengetahui erti "Melayu" atau tidak mahu dikenali sebagaiinya, ada golongan intelektual (seperti Rizal) atau sarjana yang mengenali diri mereka dan budaya mereka sebagai "Malay" atau "Melayu", walaupun untuk membezakan mereka daripada bangsa Eropah atau Cina.*<sup>18</sup>

Penggunaan konsep rumpun bangsa Melayu yang begitu luas telah mengalami struktur pengecilan mengikut suasana politik dan geografi sesebuah negara akibat pencabulan wilayah oleh kolonial Barat. Kedatangan kuasa penjajah dari Barat mula menimbulkan sempadan politik dan memisahkan orang-orang keturunan Melayu dalam lingkungan negara yang berasingan dan percaturan tersebut masih kekal hingga kini.<sup>19</sup> Persempadanan ini juga dengan sendirinya telah menafikan sejarah keunggulan bangsa Melayu-Polynesia yang terkenal

<sup>14</sup> Wan Abdul Kadir (1993), *Tradisi dan Perubahan Budaya Melayu*. Kota Bharu: Masfam Enterprise, h. 17.

<sup>15</sup> A. Aziz Deraman (2000), *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP, h. 15.

<sup>16</sup> Mohd Taib Osman (1988), *op.cit.*, h. 16.

<sup>17</sup> Zulyani Hidayah (1997), *Ensiklopedia Suku Bangsa di Indonesia*. Jakarta: LP3ES, h. 177-181.

<sup>18</sup> Mohd Taib Osman (1988), *op.cit.*, h. 16-17.

<sup>19</sup> S. Husin Ali (1979), *op.cit.*, h. 2.

sebagai pelaut yang pernah menguasai kawasan perairan Pasifik dan Hindi sebelum berkembangnya kuasa penjajahan dari Barat pada kurun ke-16.<sup>20</sup>

Kini menurut bahagian 12 Perkara 160 Perlumbagaan Malaysia, Melayu ditakrifkan sebagai seseorang yang menganut agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan

- a) lahir sebelum hari merdeka di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau Singapura atau pada Hari Merdeka itu ia adalah bermastautin di Persekutuan
- b) atau ia adalah keturunan dari seseorang yang tersebut di atas.<sup>21</sup>

Berasaskan pentafsiran yang terdapat dalam perlumbagaan ini jelas menunjukkan bahawa orang Melayu dinyatakan berdasarkan realiti politik kenegaraan dan bangsa Malaysia semata-mata.<sup>22</sup>

Orang Melayu yang mendiami Semenanjung Malaysia telah mengalami pelbagai proses perkembangan dalam kehidupan bermula dengan pegangan kepercayaan agama, penjajahan mentaliti pemikiran dan sebagainya. Penerimaan pengaruh agama Hindu yang terawal telah sedikit sebanyak memberi impak kepada perkembangan corak kehidupan bangsa Melayu. Namun kemunculan Islam dianggap titik tolak kepada perubahan yang lebih dominan sehingga dapat

---

<sup>20</sup> Wan Hashim Wan Teh (1991), *op.cit.*, h. 4.

<sup>21</sup> Perlumbagaan Malaysia 1986.

<sup>22</sup> A. Aziz Deraman (2000), *op.cit.*, h. 16.

memperkuatkan identiti kebudayaan Melayu.<sup>23</sup> Pembaharuan yang diperkenalkan oleh Islam dinyatakan sebagai :

*Berjaya mengubah pandangan dunia atau weltanchaung bangsa Melayu, persuratan Melayu misalnya mula bercorak Islamiah-sejagat, mula bersifat rasional, meninggalkan dunia fantasi, dongeng dan khurafat panteisme<sup>24</sup> dan politiesme<sup>25</sup> zaman pra literal dan pengaruh Hinduisme.<sup>26</sup>*

## 2.3) KEBUDAYAAN SEBAGAI CIRI KEHIDUPAN ORANG MELAYU

### 2.3.1) Definisi kebudayaan.

Kebudayaan menurut istilah Kamus Dewan diambil daripada kata dasar “budaya” yang bermaksud tamadun, peradaban dan sebagainya. Oleh yang demikian, kebudayaan diertikan sebagai keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat.<sup>27</sup> Dikalangan para pengkaji antropologi pula mempunyai persepsi yang pelbagai mengenai pengertian kebudayaan antaranya :

<sup>23</sup> Abdul Latiff Abu Bakar (1987), “Sejarah dan Pemikiran Konsep Kebudayaan di Malaysia”, dalam *Pertemuan Dunia Melayu '82, op.cit.*, h. 76.

<sup>24</sup> Panteisme ialah doktrin bahawa Tuhan itu segalanya dan segalanya itu adalah Tuhan. Lihat Joyce M. Hawkins (1991), *The Oxford Minidictionary* (terj.), c. 3. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 273.

<sup>25</sup> Politiesme ialah kepercayaan kepada wujudnya beberapa atau banyak Tuhan. Lihat huriaian lanjut dalam Ghazali Darusalam (2001), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 105.

<sup>26</sup> Hassan Ahmad (1997), “Bahasa Melayu Sebagai Pengungkap Peradaban Bangsa” (Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu di UKM, Selangor, 1-3 Mac 1997), h. 5.

<sup>27</sup> Teuku Iskandar (1994), *Kamus Dewan*, c. 5. Kuala Lumpur: DBP, h. 165.

- 1) Koentjaraningrat menyatakan kebudayaan berasal daripada kata Sanskrit "buddayah" iaitu bentuk jamak dari "buddhi" yang bererti budi atau akal.<sup>28</sup>
- 2) Ralph L. Beals dan Harry Hoijer menyatakan bahawa konsep kebudayaan ialah mengenal pasti kelakuan yang biasa dipraktikkan, diperolehi melalui pembelajaran oleh sesuatu kumpulan masyarakat.<sup>29</sup>
- 3) Edward B. Taylor berpendapat kebudayaan ialah satu keseluruhan sistem yang kompleks di dalamnya terkandung unsur-unsur pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat istiadat dan yang berkaitan dengannya.<sup>30</sup>
- 4) Sidi Gazalba pula menyatakan kebudayaan sebagai cara berfikir dan cara merasa yang menyatakan diri dalam seluruh kehidupan sekumpulan manusia yang membentuk masyarakat.<sup>31</sup>
- 5) A. Aziz Deraman mengatakan bahawa makna kebudayaan secara paling mudah adalah himpunan olahan manusia daripada akal fikiran, ikhtiar dan kesanggupan berkarya.<sup>32</sup>

<sup>28</sup> Koentjaraningrat (1970), *Pengantar Antropologi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 62.

<sup>29</sup> Ralph L. Beals/Harry Hoijer (1972), *op.cit.*, h. 103.

<sup>30</sup> Edward B.Taylor (1903), *Primitive Culture, Researches Into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Custom*, c. 4. London: J. Murray, h. 1.

<sup>31</sup> Sidi Gazalba (1983), *Islam dan Perubahan Budaya: Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 27.

<sup>32</sup> A. Aziz Deraman (2000), *op.cit.*, h. 108.

Daripada pelbagai definisi yang telah dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa kebudayaan itu merangkumi hasil interaksi manusia dengan kehidupannya secara menyeluruh.

### 2.3.2) Kebudayaan Melayu.

Proses kebudayaan Melayu telah bertapak dalam tempoh masa yang panjang bermula dari peringkat perkembangan zaman prasejarah sehingga ke era kebangkitan empayar-empayar Melayu zaman Hindu-Buddha, Islam dan kekuasaan penjajah Barat. Kombinasi daripada pengaruh ini secara keseluruhannya telah menurunkan pelbagai tradisi dan nilai yang kini telah sebatи dalam jiwa dan peribadi bangsa Melayu.<sup>33</sup> Namun masyarakat Melayu tidak menerima kesemua pengaruh ini secara mendadak dan membuta tuli tetapi lebih kepada menilai dan menyaring mana-mana yang berguna untuk disesuaikan dengan budaya tempatan.<sup>34</sup>

Pengkajian terhadap budaya Melayu tidak hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja malah adat kebiasaan yang diamalkan oleh orang Melayu juga boleh diklasifikasikan sebagai mengkaji kebudayaan Melayu kerana ia termasuk dalam kebudayaan *immaterial*<sup>35</sup> yang didapati secara langsung melalui penulisan dan pertuturan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.<sup>36</sup>

<sup>33</sup> Zainal Kling (1987), *op.cit.*, h. 43.

<sup>34</sup> Abdul Latiff Abu Bakar (1987), *op.cit.*, h. 75.

<sup>35</sup> Zakaria Stapa (1994), *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), h. 6.

<sup>36</sup> Mohd Ramli Ramnan (1996), "Kaedah Penulisan Laporan Penyelidikan", dalam Zainal Abidin Borhan (ed.), *Adat Istiadat Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), h. 21.

### 2.3.2.1) Kebudayaan Melayu zaman pengaruh Hindu-Buddha.

Kebudayaan Melayu telah diresapi oleh unsur-unsur daripada peradaban India sejak kurun 1 Masihi hingga kurun 14 dalam bentuk dua falsafah agama iaitu agama Hinduisme dan Buddhisme. Kedudukan strategik dan faktor kemajuan teknologi pelayaran merupakan pemangkin utama kepada perkembangan yang begitu meluas terhadap agama-agama ini.<sup>37</sup> Penyebarannya dilakukan oleh pedagang melalui kegiatan perdagangan yang secara langsung turut menyebarkan pengaruh keagamaan dan kebudayaan asal terhadap penduduk tempatan.<sup>38</sup>

Di Pulau Jawa, kesan kedatangan dan pengaruh Hindu dapat dilihat melalui peninggalan candi-candi<sup>39</sup> sementara di Malaysia, pengaruh ini hanya merupakan tambahan nipis dalam tradisi budaya Melayu<sup>40</sup> dan tidak berjaya berada di satu tahap yang berjaya mengubah kepercayaan agama dan pemikiran orang-orang Melayu dari ala animisme<sup>41</sup> kepada Hinduisme sehingga wujudnya Hindu-Melayu atau Buddha-Melayu<sup>42</sup> tetapi sinkretisme<sup>43</sup> pengaruh kebudayaan ini dapat dilihat dalam lima aspek yang utama iaitu adat istiadat, sistem pemerintahan, sastera Melayu, bacaan jampi dan penggunaan bahasa Sanskrit.<sup>44</sup>

<sup>37</sup> Wan Abdul Kadir (1993), *Pengenalan Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kota Bharu: Masfami Enterprise, h. 8.

<sup>38</sup> Othman Ishak (1992), *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*, c. 3. Kuala Lumpur: DBP, h. 62-63.

<sup>39</sup> S. Husin Ali (1979), *op.cit.*, h. 14.

<sup>40</sup> Wan Abdul Kadir (2000), *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai dikalangan Orang-Orang Melayu*. Kota Bharu: Masfami Enterprise, h. 18.

<sup>41</sup> Animisme menurut bahasa Yunani berasal daripada perkataan “anima” yang bermaksud kehidupan binatang manakala menurut bahasa Latin “anima” bererti roh. Kebanyakan para pengkaji agama suka mentafsirkan “anima” sebagai kepercayaan terhadap kuasa roh. Lihaturaian lanjut dalam Ghazali Darussalam (2001), *op.cit.*, h. 100.

<sup>42</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 16.

<sup>43</sup> Sinkretisme ialah percampuran unsur daripada dua atau lebih tradisi agama. Lihaturaian lanjut dalam Abdullah Taib (1985), *Asas-Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: DBP, h. 223.

<sup>44</sup> Ismail Hamid (1988), *op.cit.*, h. 50-54.

Pengaruh yang dialami oleh kebudayaan Melayu melalui proses difusi,<sup>45</sup> akulterasi<sup>46</sup> dan sinkretisme ini secara langsung turut memperkayakan budaya Melayu tetapi penerimanya tidak secara menyeluruh. Hanya apabila sesuatu pengaruh itu tidak mempunyai kepentingan terutama dari aspek nilai-nilai sosial, maka penerimanya tidaklah begitu pesat sebagaimana pengaruh budaya China dianggap kurang penting walaupun orang Melayu sering mengadakan hubungan perdagangan dengan kebudayaan tersebut.<sup>47</sup>

### 2.3.2.2) Kebudayaan Melayu zaman kemuncak perkembangan Islam.

Kedatangan Islam beserta tamadunnya telah membawa suatu pembaharuan terhadap perkembangan kebudayaan pelbagai bangsa. Selain daripada aspek dalaman yang berbentuk keimanan dan nilai-nilai keluhuran yang bersifat kekal serta mulia disisi Allah, Islam juga memberi sumbangan yang tidak ternilai terhadap pembangunan seni setempat, kepercayaan dan kebudayaan sesebuah masyarakat.<sup>48</sup> Sumbangan Islam yang paling bernilai terhadap kebudayaan Melayu dapat dilihat melalui konsep jatidiri dikalangan orang Melayu (*sense of Malayness*) malah turut dijadikan sebagai *al-Dīn* (*way of life*) yang tidak terhad bagi tujuan ibadat semata-mata bahkan sebagai suatu cara hidup

<sup>45</sup> Difusi kebudayaan ialah proses peryebaran unsur-unsur kebudayaan dari seorang individu kepada individu lain atau suatu masyarakat kepada masyarakat lain. Lihaturaian lanjut dalam Sidi Gazalba (1973), *Modenisasi Dalam Persoalan: Bagaimanakah Sikap Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 14.

<sup>46</sup> Akulterasi berlaku apabila suatu kelompok masyarakat ringkas bertembung dengan masyarakat yang lebih tinggi kebudayaannya dan lebih besar pengaruhnya lantas menerima pengaruh tersebut. Lihaturaian lanjut dalam Abdullah Taib (1985), *op.cit.*, h. 239.

<sup>47</sup> Wan Abdul Kadir (1993), *Pengenalan Masyarakat dan Budaya Melayu*, *op.cit.*, h. 11.

<sup>48</sup> Ismail Hamid (1985), *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 73.

lengkap yang wajib dipatuhi.<sup>49</sup> Islam tidak menolak kebudayaan mana-mana masyarakat asalkan ia menepati ciri-ciri kebudayaan sebenar yang terkandung di dalam ajarannya.<sup>50</sup> Di dalam kebudayaan Islam, agama bukan merupakan hasil ciptaan budaya manusia. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Sidi Gazalba :

*Tentang ini Islam berlawanan ajarannya dengan teori ilmu dan sekularisme. Teori ilmu dan sekularisme memasukkan agama sebagai aspek kebudayaan. Sedangkan bagi Islam agama dan kebudayaan berjalin dalam perpaduan yang utuh dalam dien. Dien Islam ialah hukum yang mengatur agama dan kebudayaan. Aturannya tentang agama Islam ialah mengenai prinsip-prinsip asas dan cara perlaksanaannya. Aturannya tentang kebudayaan Islam hanya mengenai prinsip-prinsip asas saja (dan tidak mengenai cara perlaksanaan). Kerana dien Islam itu berasal dari Allah maka ia serba tetap, tidak boleh berubah dan tidak boleh diubah.*<sup>51</sup>

Perubahan yang dibawa oleh Islam ini secara langsung dapat menolak tanggapan negatif dikalangan sarjana Barat seperti Van Leur dan Snouck Hurgronje yang beranggapan Islam tidak membawa perubahan terhadap kebudayaan sesebuah tamadun masyarakat.<sup>52</sup>

Jadi, Islam menerima budaya bangsa lain tetapi dengan beberapa penyesuaian agar ianya selari dengan nilai-nilai Islam. Faktor utama yang membolehkan Islam mendasari kebudayaan Melayu ialah ciri-ciri yang terkandung Syariah Islam dari segi luarannya dan kerohanian Islam dari segi dalamannya.<sup>53</sup> Apabila Islam berkembang luas pada abad ke-15 dan berdepan

<sup>49</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "Adat dan Kesenian Melayu: Satu Tafsiran Dari Perspektif Islam" (Kertas Kerja Seminar Adat dan Kesenian Melayu Mengikut Perspektif Islam di Institut Seni Melaka Malaysia (ISMMA), Melaka, 2 Oktober 2002), h. 10-11

<sup>50</sup> *Ibid.*, h. 8.

<sup>51</sup> Sidi Gazalba (1983), *op.cit.*, h. 34.

<sup>52</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972), *op.cit.*, h. 18.

<sup>53</sup> Hashim Musa (1978), "Islam dan Kebangsaan Melayu" (Kertas Kerja Seminar Jabatan Pengajian Melayu dengan Jabatan Pengajian Islam di Rumah Universiti, Universiti Malaya, 14 Oktober 1978), h. 3.

dengan kebudayaan Melayu yang telah dipengaruhi oleh budaya animisme dan peradaban Hindu-Buddha, Islam dapat mengaturnya dengan baik kerana :

*Di mana-mana juu Islam berkembang, Islam diserapkan dan menyerap ke dalam kebudayaan tempatan. Proses akulturasi terjadi, dan kita boleh mengenali secara jelas keperibadian Turki-Islam, kebudayaan Parsi-Islam, kebudayaan India-Islam, kebudayaan Afrika-Islam, kebudayaan Cina-Islam dan kebudayaan Melayu-Islam yang cirinya membezakan kebangsaan sesuatu negara daripada negara yang lain.<sup>54</sup>*

### 2.3.2.3) Kebudayaan Melayu zaman kekuasaan penjajah.

Penularan budaya Barat mula bertapak di sekitar abad ke-16 hingga <sup>55</sup> 17<sup>55</sup> dan secara lebih kukuh pada awal abad ke-20.<sup>56</sup> Ini disebabkan oleh kemajuan teknologi sains dan teknologi yang dialami oleh masyarakat Barat ketika itu yang menjadi pendorong utama kepada aktiviti penjelajahan ke negara luar. Kebudayaan Barat yang cuba diadaptasikan dalam masyarakat tempatan lazimnya dikaitkan dengan unsur-unsur kemodenan manakala kebudayaan tempatan seringkali dianggap kolot dan ketinggalan zaman.<sup>57</sup>

Pengaruh dari Barat mula menjalar dikalangan masyarakat Melayu melalui pengenalan sistem pelajaran, media massa dan sebagainya.<sup>58</sup> Walau bagaimanapun, orang Melayu tidak menganggap pengaruh Barat ini sebagai sesuatu yang harus dibanggakan kerana ianya dianggap sebagai adat yang kurang sopan dan bertentangan dengan nilai kebudayaan Melayu dan Islam.<sup>59</sup> Pengaruh

<sup>54</sup> A. Aziz Deraman (2000), *op.cit.*, h. 101.

<sup>55</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas (1972), *op.cit.*, h. 24.

<sup>56</sup> Abdul Latiff Abu Bakar (1987), *op.cit.*, h. 77.

<sup>57</sup> Zakaria Stapa (1994), *op.cit.*, h. 58.

<sup>58</sup> Abdul Latiff Abu Bakar (1987), *op.cit.*, h. 77.

<sup>59</sup> *Ibid.*

unsur-unsur Barat kepada budaya Melayu hanya boleh dianggap sebagai penambahan kepada gaya hidup secara luaran sahaja.<sup>60</sup>

## **2.4) KONSEP ADAT DALAM *WORLDVIEW MELAYU***

### **2.4.1) Adat lambang kebudayaan Melayu.**

Kebudayaan masyarakat di alam Melayu sentiasa berkembang seiring dengan perubahan zaman dan tamadun manusia. Setiap kebudayaan pasti akan mengalami perubahan dan proses kesinambungan samada dalam bentuk artifak yakni budaya kebendaan atau budaya bukan kebendaan.<sup>61</sup>

Keseragaman tanggapan alam kebudayaan Melayu dan semua suku bangsa alam Melayu terpancar di dalam sistem sosiobudaya yang dinamakan adat.<sup>62</sup> Pada dasarnya, amalan adat dalam sesuatu kebudayaan mempunyai bentuk dan isinya yang serupa tetapi terdapat beberapa perbezaan kecil dari segi perlaksanaannya.<sup>63</sup> Perbezaan ini banyak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran sesebuah masyarakat itu di samping unsur-unsur lain. Adat merupakan sebahagian daripada kandungan kebudayaan.<sup>64</sup> Oleh kerana adat dianggap sebagai antara ciri penting kebudayaan, maka ia juga akan mengalami pelbagai perubahan.<sup>65</sup>

<sup>60</sup> Wan Abdul Kadir (1993), *Tradisi dan Perubahan Budaya Melayu*, op.cit., h. 143-144.

<sup>61</sup> Rahim Syam Norhale (1985), *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti, h. 5.

<sup>62</sup> Zainal Kling (1987), op.cit., h. 62.

<sup>63</sup> Asmad (1990), *Kesenian Adat, Perua dan Kepercayaan*. Melaka: Associated Education Distributors (M), Sdn. Bhd., h. 1.

<sup>64</sup> Darwis A. Soelaiman (1994), "Manifestasi Kosmologi Dalam Adat Aceh" (Kertas Kerja dalam Yaacob Harun, (ed.), Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24-26 Januari 1994), h. 1.

<sup>65</sup> Rahim Syam Norhale (1985), op.cit., h. 3-5.

Perkataan adat berasal daripada perkataan Arab. Ia juga dikenali sebagai *al-'Urf* yang bermaksud segala perlakuan manusia samada dari segi perkataan atau perbuatan yang telah menjadi kebiasaan.<sup>66</sup> Namun begitu, adat dikalangan masyarakat di alam Melayu lebih umum sehingga ianya mempunyai erti yang hampir sama dengan kebudayaan.<sup>67</sup> Adat hanyalah sebahagian daripada aspek-aspek kecil yang khusus terdapat dalam kebudayaan kerana adat boleh diklasifikasikan kepada kelaziman, aturan kesusilaan, tingkah laku, piagam (*conventions*), upacara yang berkaitan dengan istiadat (*rituals*), sambutan pesta (*ceremony*), moral dan adat kebiasaan (*custom law*).<sup>68</sup>

Adat Melayu telah wujud dan menjadi amalan sejak dari generasi terdahulu. Kebanyakan adat diwarisi secara lisan yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Individu di dalam sesebuah masyarakat khususnya ketua-ketua adat bertanggungjawab untuk mempertahankan adat agar tidak dilupakan.<sup>69</sup> Adat melambangkan identiti orang Melayu kerana tanpa adat, orang Melayu tidak ada bezanya dengan kebanyakan bangsa lain.<sup>70</sup> Kini kebanyakan amalan adat yang selari dengan nilai-nilai Islam masih dikekalkan dan diteruskan.

<sup>66</sup> Abd. al-Wahhāb al-Khallāf (1970M/1390H), *Ilmu Usūl al-Fiqh*, c. 9. Kuwait: Dār al-Qalam, h. 89.

<sup>67</sup> Zainal Kling (1996), "Adat", dalam Zainal Abidin Borhan (ed.), *Adat Istiadat Melayu Melaka*, *op.cit.*, h. 2.

<sup>68</sup> Jawawi Haji Ahmad (1991), "Brunei Darussalam Dalam Konteks Dunia Melayu", dalam Mohd Yusof Hasan (ed.), *Dunia Melayu*, *op.cit.*, h. 80.

<sup>69</sup> Wan Abdul Kadir (2000), *op.cit.*, h. 67.

<sup>70</sup> Norazit Selat (2001), "Adat Melayu: Kesinambungan dan Perubahan", dalam Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), h. 90.

#### 2.4.2) Asas pembinaan adat Melayu.

Adat Melayu mempunyai empat asas yang membinanya. Penggunaan konsep asas ini pada mulanya dipelopori oleh masyarakat Melayu Minangkabau melalui perbilangan adat<sup>71</sup> akhirnya telah berkembang luas penggunaannya di kalangan orang Melayu yang mendiami Semenanjung Malaysia.<sup>72</sup> Empat asas tersebut adalah :

##### 2.4.2.1) Adat sebenar adat.

Adat ini wujud berdasarkan penelitian terhadap kejadian alam yang berlaku dalam lingkaran kehidupan.<sup>73</sup> Sifat semula jadi yang terdapat pada sesuatu benda atau keadaan dijadikan asas untuk membezakannya dengan unsur alam yang lain.<sup>74</sup> Perumpamaan adat sebegini telah dinyatakan dalam bentuk ungkapan-ungkapan yang indah dan unik contohnya “adat ayam berkокok”, “adat api membakar” dan “adat air membasah”.<sup>75</sup> Adat ini juga turut dikenali sebagai adat yang telah teradat,<sup>76</sup> hukum alam<sup>77</sup> dan hukum tabii.<sup>78</sup>

---

<sup>71</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 3.

<sup>72</sup> Norazit Selat (2001), *op.cit.*, h. 88.

<sup>73</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 3-4.

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> Norazit Selat (2001), *op.cit.*, h. 87.

<sup>76</sup> Asmad (1990), *op.cit.*, h. 8-9.

<sup>77</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 3.

<sup>78</sup> Norazit Selat (2001), *op.cit.*, h. 89.

#### 2.4.2.2) Adat yang teradat.

Merupakan adat yang dibina berdasarkan hubungan sesama masyarakat sekeliling. Bagi merealisasikan keselesaan hidup bermasyarakat, suatu peraturan perlu dibentuk.<sup>79</sup> Walau bagaimanapun, peraturan kemasyarakatan ini wujud tanpa memerlukan persetujuan daripada pihak-pihak tertentu kerana ia hanya berdasarkan amalan kebiasaan (resam) yang telah diwarisi daripada generasi terdahulu.<sup>80</sup> Hukum sosial yang diamalkan oleh masyarakat Melayu mempunyai sifat dinamis bagi memudahkan ianya dilaksanakan dikalangan masyarakat setempat.<sup>81</sup>

#### 2.4.2.3) Adat yang diadatkan.

Apabila sesuatu kebiasaan dikuatkuaskan, ia dinamakan adat yang diadatkan. Sesuatu amalan yang menjadi kebiasaan dikalangan masyarakat setempat perlu diinstitusikan dan dijadikan sebagai peraturan yang harus diikuti demi untuk menjaga keharmonian dan ketenteraman masyarakat dan ia akan mengalami perubahan mengikut peredaran masa.<sup>82</sup> Perubahan akan berlaku dalam adat bersesuaian dengan kata pepatah Melayu “sekali air bah, sekali pasir berubah”. Walaupun berlaku perubahan dalam adat, ianya tidak sekali-kali melibatkan persoalan pokok atau matlamat asas sesuatu adat kerana perubahan tersebut akan merubah

<sup>79</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 5.

<sup>80</sup> Norazizi Selati (2001), *op.cit.*, h. 89-90.

<sup>81</sup> Wan Hashim Wan Teh (1998), “Politik dan Kepimpinan”, dalam Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid (ed.), *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Klian*, Jil. 1. Kuala Lumpur: DBP, h. 63.

<sup>82</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 6.

keaslian dan kemurnian adat orang Melayu.<sup>83</sup> Adat yang diadatkan juga merupakan penerimaan adat atau penyesuaian adat yang berasaskan kepada adat tradisi yang diwarisi dari satu generasi kepada generasi beikutnya yang juga dikenali sebagai hukum adat.<sup>84</sup>

Ketatatan orang Melayu terhadap peraturan adat digambarkan dalam kata perbilangan “biar mati anak, jangan mati adat”. Kata-kata ini menunjukkan bahawa adat mengutamakan prinsip keadilan dalam perundangannya.<sup>85</sup> Hukum yang telah ditetapkan oleh adat perlu dipatuhi bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat. Apabila suatu sistem dan undang-undang tidak dipatuhi, sudah tentu ianya akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap masyarakat tersebut.

#### 2.4.2.4) Adat istiadat.

Adat istiadat menggambarkan keunikan sesuatu adat yang biasanya bercorak upacara dan ianya mempunyai prinsip-prinsip tertentu yang perlu diikuti.<sup>86</sup> Pada zaman tradisional, bentuk adat istiadat yang diamalkan oleh golongan pemerintah mempunyai nilai yang bersifat halus dan sistematik berbanding dengan rakyat jelata. Adat istiadat merupakan aspek adat Melayu yang kerap mengalami perubahan.<sup>87</sup>

<sup>83</sup> Wan Abdul Kadir (2000), *op.cit.*, h. 69.

<sup>84</sup> Norazit Selar (2001), *op.cit.*, h. 87.

<sup>85</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 7.

<sup>86</sup> Wan Abdul Kadir (2000), *op.cit.*, h. 70.

<sup>87</sup> Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 38.

Oleh yang demikian, adat menurut tanggapan orang Melayu mencerminkan norma perhubungan antara alam dan manusia. Norma perhubungan sesama manusia inilah yang banyak merupakan adat dalam tanggapan biasa.<sup>88</sup> Dalam perundangan Islam, aspek adat yang diambil kira untuk diterima sebagai salah satu sumber pembentukan hukum Islam adalah yang melibatkan hubungan antara adat dengan manusia atau lebih tepat dikatakan adat kebiasaan. Dalam hal ini, adat tersebut terdiri dari adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat.

#### 2.4.3) Konsep adat dalam *worldview* Melayu.

Sebagaimana dimaklumi, terdapat empat asas dalam pembinaan adat Melayu. Berdasarkan kenyataan ini, adat menurut persepsi orang Melayu mempunyai tafsiran dan ruang yang pelbagai sebagaimana berikut :

##### 2.4.3.1) Adat sebagai peraturan sosial.

Adat dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu turut dijadikan panduan bagi menggambarkan akhlak seseorang dalam kelompok masyarakatnya. Ianya terangkum dalam suatu prinsip yang dinamakan peraturan sosial (kemasyarakatan).<sup>89</sup> Masyarakat Melayu lazimnya membina peraturan sosial dalam segenap aspek kehidupan samada yang melibatkan pembentukan syaksiah peribadi, kehidupan berkeluarga, berjiran dan sebagainya.<sup>90</sup>

<sup>88</sup> Zainal Kling (1997), "Adat: Dasar Budaya Melayu", dalam Boris Parnickel (ed.), *Kebudayaan Nusantara: Kepelbagaiannya Dalam Kesatuan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 59.

<sup>89</sup> Zainal Kling (1987), *op.cit.*, h. 63.

<sup>90</sup> Wan Abdul Kadir (2000), *op.cit.*, h. v.

Peraturan sosial dikalangan masyarakat Melayu berasaskan sikap hormat-menghormati, berbudi bahasa dan beradab sopan sesuai dengan keadaan dan kedudukan masing-masing. Orang Melayu mengutamakan orang yang tahu adat bukan yang kurang ajar.<sup>91</sup> Kedatangan Islam berserta nilai-nilai sosial melalui adanya ganjaran pahala dan dosa sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah turut memurnikan lagi amalan ini.<sup>92</sup>

Melalui peraturan sosial, adat melambangkan nilai-nilai kehalusan budi bahasa dan budi pekerti. Individu yang melanggari peraturan ini akan dikenakan tekanan dalam bentuk *informal* melalui adat resam, nilai baik dan buruk.<sup>93</sup> Oleh itu, kata-kata “tidak tahu adat” atau “tidak ada bahasa” menggambarkan suatu penghinaan yang boleh menjatuhkan maruah dan keperibadian seseorang individu.<sup>94</sup>

#### 2.4.3.2) Sumber perundangan.

Apabila peraturan sosial dalam adat itu diiktiraf dan dapat diterima, ia akan diikuti dan dilaksanakan secara bersama malah dianggap sebagai undang-undang adat atau hukum adat. Peraturan adat ini disebarluaskan secara lisan melalui kata perbilangan, pepatah dan sebagainya kerana ianya lebih praktikal bersesuaian dengan keadaaan masyarakat ketika itu.

<sup>91</sup> Zainal Abidin Borhan (1996), “Adat Istiadat Melayu”, dalam Zainal Abidin Borhan (ed.), *Adat Istiadat Melayu Melaka*, *op.cit.*, h. 10.

<sup>92</sup> Wan Abdul Kadir (2000), *op.cit.*, h. 120.

<sup>93</sup> Wan Abdul Kadir (1993), *Beberapa Aspek Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kota Bharu: Masfami Enterprise, h. 55.

<sup>94</sup> Wan Abdul Kadir (2000), *op.cit.*, h. 89.

Di Semenanjung Malaysia, hukum adat terdiri daripada warisan adat Melayu yang lama kelamaan telah memperolehi taraf undang-undang. Hukum adat boleh dipinda dan disesuaikan dengan kehendak masyarakat dari semasa ke semasa. Oleh itu, kumpulan undang-undang adat Melayu tidak seharusnya dianggap sebagai hukum adat yang berlaku di sesuatu negeri sahaja. Perlaksanannya meliputi seluruh kelompok masyarakat Melayu bahkan setiap keputusan yang dipraktikkan oleh ketua adat akan memberikan gambaran yang lebih tepat tentang adanya perlaksanaan hukum adat yang sistematik dikalangan masyarakat setempat.<sup>95</sup>

Terdapat dua bentuk undang-undang adat iaitu adat Perpatih dan adat Temenggung. Adat Perpatih merupakan sistem suku yang bercorak *matrilineal* dan ia pada umumnya kukuh dan *rigid*. Adat ini diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, Melaka dan di beberapa daerah yang lain. Adat Perpatih merangkumi berbagai-bagai bidang termasuklah mengenai kepimpinan, politik, kekerabatan, kekeluargaan, perkahwinan, kegiatan ekonomi, sistem sosial dan sebagainya. Manakala adat Temenggung pula adalah suatu organisasi suku *patrilineal* yang terkenal dan mempunyai ciri-ciri yang bercampur aduk. Ia banyak terpengaruh dengan sistem monarki Hindu dan juga ajaran-ajaran Islam.<sup>96</sup>

Undang-undang adat mempunyai autoriti dalam menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dikalangan masyarakat Melayu. Ini kerana, sebelum

<sup>95</sup> Ahmad Ibrahim (1975), "Unsur-Unsur Budaya Tradisional Dalam Pemupukan Keperibadian Kebangsaan Malaysia", dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1975. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, h. 14.

<sup>96</sup> Othman Ishak (1992), *op.cit.*, h. 89.

kedatangan British ke Tanah Melayu, undang-undang yang digunakan ialah undang-undang adat Melayu yang telah menerima beberapa perubahan daripada pengaruh undang-undang Hindu dan undang-undang Islam.<sup>97</sup>

Walau bagaimanapun, pemakaian sistem adat sebagai asas perundangan Melayu telah berubah selepas tersebarnya pengaruh British ke negeri-negeri Melayu melalui persetujuan *triti* oleh raja-raja Melayu dengan pihak berkuasa British. Berdasarkan perjanjian ini, perkataan “agama Islam” telah diberi tafsiran yang sempit, malah ruang lingkupnya dianggap sama sebagaimana tanggapan agama menurut ajaran Kristian.<sup>98</sup> Tindakan yang dibuat oleh penjajah ini telah memberi kesan yang buruk terhadap perkembangan Islam dalam jangkamasa yang panjang di negara ini.

#### 2.4.3.3) Upacara adat.

Adat istiadat memiliki bentuk penyusunan yang lebih *formal* dan *rasmi*. Penyusunannya berasaskan tradisi yang diwarisi sejak sekian lama. Adat istiadat merupakan budaya Melayu yang dinamis iaitu sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan mudah menyerap unsur-unsur luaran. Adat Temenggung dan adat Perpatih yang dikatakan telah lama bertapak sedikit sebanyak berjaya mempengaruhi adat istiadat Melayu khususnya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia.<sup>99</sup>

<sup>97</sup> Ahmad Ibrahim (1975), *op.cit.*, h. 13.

<sup>98</sup> Ahmad Ibrahim (1994), “Sekatan-sekatan Dalam Pelaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia”, dalam Ahmad Ibrahim *et al.*(ed.), *al-Ahkam: Islam Dalam Perlembagaan*, Jil. 4. Kuala Lumpur: DBP, h. 45-46.

<sup>99</sup> Husin Embi, Haron Hj. Kidam dan Hj. Mokhtar Md. Yassin (1996), “Adat Istiadat Perkahwinan di Melaka”, dalam Zainal Abidin Borhan (ed.), *Adat Istiadat Melayu Melaka*, *op.cit.*, h. 56.

Adat istiadat merangkumi upacara rasmi tertentu umpamanya upacara pertabalan, kelahiran, perkahwinan dan kematian. Antara contoh upacara adat istiadat yang menjadi amalan dalam masyarakat Melayu semasa menyambut kelahiran ialah adat melenggang perut atau mandi Tian, upacara bersalin, membelah mulut, menanggal tali pusat, adat bercukur, memijak tanah, naik buaian dan bertindik telinga bagi kanak-kanak perempuan.<sup>100</sup>

Hubungan antara adat dan istiadat sangat rapat antara satu sama lain dan dianggap sebagai medium yang dapat menjamin kerukunan hidup bermasyarakat. Adat istiadat dianggap sebagai pembentuk sesuatu budaya yang mampu mengangkat martabat sesebuah masyarakat yang mengamalkannya.<sup>101</sup> Masyarakat Melayu menghargai adat yang diwarisi dari generasi terdahulu sebagaimana dinyatakan :

Kecil dikandung ibu  
Besar dikandung adat  
Mati dikandung tanah  
Biar mati anak  
Jangan mati adat  
Laksamana berbaju besi  
Masuk ke hutan melanda-landa  
Hidup berdiri dengan saksi  
Adat berdiri dengan tanda

#### 2.4.3.4) Kepercayaan adat.

Sistem kepercayaan yang tegas dan *formal* terhadap alam, kuasa alam dan fungsi alam telah menimbulkan kepercayaan adat yang pelbagai.<sup>102</sup> Kepercayaan

<sup>100</sup> Wan Hashim Wan Teh (1998), *op.cit.*, h. 48.

<sup>101</sup> Husin Embi, Haron Hj. Kidam dan Hj. Mokhtar Md. Yassin (1996), *op.cit.*, h. 55.

<sup>102</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 4.

tradisional yang masih terdapat dikalangan orang Melayu pada masa kini disebabkan oleh implikasi tinggalan sistem kepercayaan yang wujud sebelum kedatangan Islam.

Kepercayaan adat ini berkembang hasil dari sikap seseorang yang cuba berkomunikasi dengan alam ghaib. Cubaan sistematik untuk memahami alam semesta secara keseluruhannya pada masa lampau selalunya sangat berkait rapat dengan kepercayaan keagamaan ini dinamakan kosmologi.<sup>103</sup> Ianya beranggapan seluruh alam itu menjadi hidup (*animate*) dan nyata, mengandungi makhluk dan kuasa.<sup>104</sup> Bagi memudahkan urusan yang berkaitan dengan kepercayaan adat ini, kebiasaannya bomoh atau pawang yang berkebolehan dalam melaksanakan adat akan dijemput untuk menguruskan upacara tersebut.<sup>105</sup> Antara contoh adat yang dibina berdasarkan kepercayaan ialah adat membayar nazar, adat mandi buang sial, adat mandi Safar dan sebagainya.<sup>106</sup>

## 2.5) KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang telah dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa konsep adat Melayu adalah berbeza dengan tanggapan adat yang difahami oleh masyarakat Arab. Kesilapan sesetengah golongan dalam mentafsirkan kedudukan sebenar adat Melayu ini menyebabkan timbulnya salah faham sehingga ianya dilontarkan dengan pelbagai tanggapan negatif khususnya apabila

<sup>103</sup> Azizan Baharudin (1994), “Orang Melayu dan Kosmologi Saintifik Hari Ini: Satu Padanan Kepercayaan” (Kertas Kerja dalam Yaakub Harun (ed.), Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24-26 Januari 1994), *op.cit.*, h. 1.

<sup>104</sup> Zainal Kling (1996), *op.cit.*, h. 4.

<sup>105</sup> Wan Abdul Kadir (1993), *Pengenalan Masyarakat dan Budaya Melayu*, *op.cit.*, h. 136.

<sup>106</sup> Ismail b. Awang (1983), *Adat Orang-Orang Melayu Yang Bertentangan Dengan Akidah Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd., h. 23-24.

dikaji dari perspektif Islam. Bagi mengelak tanggapan sebegini berlarutan, perbincangan mengenai konsep adat dalam *worldview* Melayu hendaklah sentiasa diberi perhatian utama dengan cara meneliti atas pembinaan dan perkembangan adat mengikut paradigma masyarakat Melayu.